

Bahagian A

[60 markah]

Jawab **semua** soalan daripada bahagian ini

- 1 (a) Berikut adalah salah satu faktor pengeluaran yang diperlukan oleh Starbar Koffee dalam perniagaan mereka.



Jelaskan faktor pengeluaran di atas.

[4 markah]

- (b) Dengan menggunakan andaian yang sesuai, bina jadual kemungkinan pengeluaran suatu barang.

[6 markah]


- (c) Peristiwa di bawah berkaitan dengan pasaran ayam proses.

Semenjak bulan Ramadhan harga ayam masih lagi tinggi dan dijangkakan berterusan

Selain daripada faktor di atas, terangkan faktor yang menentukan permintaan ayam proses di kalangan pengguna.

[6 markah]

- d) Berikut adalah rajah keseimbangan pasaran bagi suatu barangan




Jelaskan keadaan pasaran apabila harga lebih rendah daripada P_0 .

[4 markah]

- 2 (a) Terangkan kemudahan menerima deposit oleh bank perdagangan.

[4 markah]

- (b) Maklumat di bawah menunjukkan komponen dalam penggunaan pendapatan boleh guna individu.



- (i) Apakah X?

[1 markah]

- (ii) Terangkan **tiga** komponen dalam X

[5 markah]

- (c) Jadual di bawah berkaitan kos pengeluaran jangka pendek bagi sebuah firma.

Output (unit)	Jumlah Kos (RM)	Kos Purata (RM)	Kos Marginal (RM)
0	10000	-	-
100	15,000	150	50
200	19,000	95	Y
300	21,000	70	20
400	24,000	X	30
500	31,000	62	70
600	42,000	70	110

- (i) Berapakah nilai X dan Y

[2 markah]

- (ii) Berdasarkan jadual di atas, jelaskan hubungan antara output dengan kos purata dan kos marginal.

- (a) Output 0 hingga 300 unit

[2 markah]

- (b) Output 400 hingga 600 unit

[2 markah]

- (d) JOHOR BAHRU - Tiga perintah tahan operasi dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) Johor kepada tiga kilang kimia di Pasir Gudang hari ini kerana didapati berpotensi menyebabkan pencemaran udara. Tiga kilang ini melibatkan pengendalian kimia dan bahan toksik dan perintah tahan operasi dikeluarkan serta merta .

Sumber: ubahsuai Kosmos Online, 27 Jun 2019

Jelaskan kesan eksternaliti negatif yang wujud akibat masalah di atas.

[4 markah]

- 3 (a) Jelaskan tindakan yang dilakukan oleh kerajaan untuk mencapai objektif makroekonomi negara?

[4 markah]

- (c) Jelaskan **empat** tujuan kerajaan mengenakan pelbagai sekatan dalam perdagangan antarabangsa.

[4 markah]

- (d) Maklumat berikut berkaitan dengan kadar pertukaran antara US Dollar dengan Ringgit Malaysia pada 2017 dan 2018.

2017



=



2018



=



- (i) Tentukan keadaan kadar pertukaran pada tahun 2018 berbanding tahun 2017.

[1 markah]

(a) Eksport Malaysia

This image shows a blank sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and extend across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.

(b) Import Malaysia

[illegible]

SULIT
[LIHAT HALAMAN SEBELAH]

Bahagian B

[40 markah]

Jawab *mana-mana* **dua** soalan daripada bahagian ini

4

Maklumat berikut berkaitan dengan industri sawit di Malaysia.

KUALA LUMPUR 28 Jun – Niaga hadapan penanda aras minyak sawit di Malaysia turun 7.1 peratus pada suku tahun ini susulan minyak boleh dimakan bergelut dengan stok simpanan yang tinggi ekoran permintaan kurang memberangsangkan.

Sumber : Utusan Online 29 Jun 2019

- (a) Mengapakah harga sawit dalam keadaan demikian? [3 markah]
- (b) Terangkan faktor yang menyebabkan keadaan stok simpanan sawit seperti di atas? [8 markah]
- (c) Sekiranya keadaan di atas berterusan, jelaskan kesan terhadap ekonomi negara? [9 markah]

- 5 Maklumat berikut berkaitan suatu dasar kerajaan.

Kerajaan Pertimbang Pecah Monopoli Lesen Import Gula

PARLIMEN | Kerajaan mempertimbangkan cadangan dasar meliberalisasikan lesen permit import (AP) gula sebagai satu daripada usaha untuk mengurangkan harga runcit bahan keperluan asas. Harga gula putih kasar dan harga gula putih halus di Malaysia yang pada ketika ini merupakan antara yang terendah di ASEAN.

Sumber : ubahsuai *Bernama* 2 Ogos, 2018

Adakah anda bersetuju dengan cadangan kerajaan di atas?

- (a) Beri alasan.

[5 markah]

- (b) Mengapakah harga gula di Malaysia sedemikian pada ketika ini?

[6 markah]

- (c) Bagaimanakah cadangan kerajaan di atas memberi kesan kepada pasaran gula dalam negara.

[9 markah]

6

Maklumat berikut berkaitan dengan tarikan baharu di Gua Musang.

MASJID baharu yang dibina menyerupai model Masjidil Haram, Mekah bernilai lebih RM23 juta di Gua Musang, Kelantan bakal menjadi mercu tanda baharu untuk menarik pelancong tempatan dan asing ke negeri ini. Pembinaan masjid ini bakal menjadi tarikan pelancong dan menjana ekonomi penduduk di kawasan Bandar Lama yang semakin lesu dengan pertumbuhan beberapa bandar baharu. Mercu tanda baharu itu akan mengubah wajah Gua Musang sebagai pintu masuk negeri ini begitu simbolik dengan negeri yang terkenal sebagai Serambi Mekah. Masjid itu akan menjadi satu produk pelancongan yang berkembang pesat sebagai tempat pelancongan keagamaan pilihan antarabangsa

Sumber : Ubahsuai Utusan Online 20 Ogos 2018

- (a) Terangkan jenis perbelanjaan kerajaan dalam petikan di atas.
[4 markah]
- (b) Jelaskan kesan pembinaan masjid tersebut kepada akaun semasa Malaysia jika mercu tanda baharu itu menjadi destinasi pilihan pelancongan antarabangsa.
[7 markah]
- (c) Tindakan kerajaan di atas menguntungkan ekonomi negara secara keseluruhannya.
Bincangkan
[9 markah]

- 7 Maklumat berikut berkaitan dengan industri automotif negara.

Industri automotif negara perlu dilindungi - PM

KUALA LUMPUR: Kerajaan akan melaksanakan kajian semula Dasar Automotif Negara (NAP) bertujuan melindungi industri terbabit agar kekal kompetatif. Perdana Menteri berkata kajian itu meliputi pembangunan industri automotif tempatan, aktiviti penyelidikan dan pembangunan serta peningkatan eksport. Kebanyakan negara pengeluar kereta mempunyai dasar dalam sekatan import kenderaan asing.

Sumber: Ubahsuai BH Online, 30 Julai 2018

- (a) Adakah anda bersetuju dengan pelaksanaan kajian semula tersebut?
Kemukakan hujah anda. [4 markah]
- (b) Dengan bantuan gambar rajah yang sesuai, jelaskan **satu** jenis sekatan import yang boleh dilaksanakan oleh kerajaan. [7 markah]
- (c) Tindakan kerajaan pada 7(b) telah memberi kesan terhadap ekonomi secara keseluruhan.
Bincangkan. [9 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

[illegible]

This image shows a blank sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.

[illegible]

[illegible]

[illegible]

[illegible]

This image shows a blank sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.

[illegible]

SULIT
[LIHAT HALAMAN SEBELAH]